



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPJ/SH(S)/JL/47/2022

Tajuk Sebut Harga :

CADANGAN PEROLEHAN SATU UNIT JENTERA TRAKTOR BESERTA KELENGKAPAN DAN SATU UNIT SKID STEER LOADER BESERTA KELENGKAPAN SECARA SEBUT HARGA TERBUKA UNTUK BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP, JABATAN LANDSKAP DAN TAMAN

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah Kod Bidang **110106 – KENDERAAN KEGUNAAN KHUSUS ATAU 110201 – PENGANGKUTAN/ KOMPONEN DAN AKSESORI/ JENTERA BERAT** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **26 September 2022 (Isnin), jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia (D5)**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan** adalah **DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat**).
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **26 September 2022 (Isnin) hingga 28 September 2022 (Rabu)** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada **Kontraktor/Syarikat** yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan** untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **03 OKTOBER 2022 (Isnin)**.
6. **Kontraktor/Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi **S.O.P** yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Seksyen Pengurusan Perolehan** di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. **Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya** di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal **MyPROCUREMENT** <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(LAr. ABD. AZIZ BIN BUANG)
Naib Presiden
Jabatan Landskap Dan Taman
Perbadanan Putrajaya